PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 MARCH 2017

PM hubungi kaunselor Malaysia di Pyongyang

BH - 10/3/2017

Kuala Lumpur berusaha cari penyelesaian selesai konflik

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak pagi semalam membuat panggilan telefon kepada Kaunselor Kedutaan Malaysia di Korea Utara, Mohd Nur Azrin Md Zain.

Panggilan telefon kira-kira dua minit itu dibuat Perdana Menteri bagi mendapatkan sendiri perkhabaran pegawai dan kakitangan Kedutaan Malaysia di sana, yang dihalang keluar dari Pyongyang sejak Isnin lalu.

Dalam perbualannya, Najib berkata: "Kita akan berurusan dengan kerajaan DPRK (Korea Utara) supaya cuba mencari penyelesaian kepada konflik yang sedang berlaku tanpa membuat sebarang keputusan yang boleh menimbulkan ketegangan yang lebih buruk.

"Saya juga percaya mereka juga ingin kepada penyelesaian," katanya dalam perbualan telefon yang dibuat dari Pejabat Perdana Menteri di bangunan Parlimen.

Jaminan keselamatan

Beliau berkata, Malaysia turut memberikan jaminan keselamatan yang sama kepada rakyat Korea Utara yang berada di negara ini.

Bercakap kepada media selepas itu, Perdana Menteri memberi jaminan semua rakyat Malaysia di Pyongyang selamat dan bebas menjalani kehidupan seperti biasa.

Beliau berkata bagaimanapun, rakyat Malaysia masih belum dibenarkan meninggalkan negara itu.

Perdana Menteri dalam perbualan itu juga sempat bertanyakan khabar dan meninggalkan pesan agar meneruskan semangat dan daya juang yang tinggi.

"Kita semua, kerajaan dan rakyat Malaysia sentiasa mendoakan kesejahteraan Encik Azrin dan keluarga. Semoga berada dalam keadaan yang selamat semuanya," katanya.

Arah solat hajat

Najib menambah semua masjid di seluruh negara sudah diarahkan untuk mengadakan solat hajat agar konflik ini dapat diselesaikan segera.

Mohd Nur Azrin, isterinya Iza Karmila Ramli dan tiga anak mereka, Annur Zulaikha, Aynur Zhafirah dan Ayscha Zinnirah antara sembilan rakyat Malaysia yang berada di Korea Utara.

Turut terperangkap di negara komunis itu ialah pembantu peribadi kepada Duta Besar, Noor Saaidah Jamaluddin, suaminya Mohd Radzuan Othman dan anak mereka, Mohamad Radhiy. Seorang lagi kakitangan kedutaan ialah pegawai tadbir, Nirmala Malar Kodi.